ANALISIS SENTIMEN, PENILAIAN PEMILIHAN DAN TINGKAH LAKU PENGGUNA E-DAGANG MENGGUNAKAN LDA DAN PEMILIHAN FITUR

SITI KHADIJAH BINTI JASNI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ANALISIS SENTIMEN, PENILAIAN PEMILIHAN DAN TINGKAH LAKU PENGGUNA E-DAGANG MENGGUNAKAN LDA DAN PEMILIHAN FITUR

SITI KHADIJAH BINTI JASNI

PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA SAINS DATA

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2021

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 November 2021

SITI KHADIJAH BINTI JASNI
P102456

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai cabaran. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof Madya Dr Zakree Ahmad Nazri, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian disertasi ini. Segala nasihat, semangat dan strategi beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah di FTSM yang turut membantu sedikit sebanyak dalam pencarian bahan-bahan dan maklumat-maklumat berkaitan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya dedikasikan buat ayah dan arwah ibu tercinta, Jasni bin Jaafar dan Lily Zakiah binti Mohd Daud serta seluruh ahli keluarga tersayang kerana memberi semangat dari segi sokongan fizikal serta mental. Tidak dilupakan juga kepada suami, Shazwan Hakim bin Muhamad kerana banyak memberikan sokongan moral dan galakkan dikala berputus asa menyiapkan penulisan ini. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan sokongan dan peransang. Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menghasilkan penulisan ini

ABSTRAK

Amazon.com mula mendapat permintaan tinggi dalam kategori peruncitan sejak dunia dilanda krisis pandemik koronavirus di mana ramai semakin bergantung kepada pembelian secara dalam talian berbanding sebelum ini. Maka, memahami bagaimana pengguna membuat keputusan ketika membeli-belah dalam talian telah menjadi subjek penting kepada industri e-dagang kerana keputusan pembelian pengguna secara langsung akan mempengaruhi penjualan barangan. Keadaan ini telah menjadikan satu keperluan kepada Amazon.com untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai kehendak pengguna dan membentuk produk yang dapat memenuhi permintaan mereka seperti produk kopi. Lantaran itu, objektif kajian ini adalah mengekstrak ciri-ciri produk, pola pilihan dan tingkah laku pengguna terhadap suatu produk dari teks dengan membangunkan kaedah permodelan topik berasaskan *Latent Dirichlet Allocation* (LDA). Selain itu, kajian ini juga turut membangunkan model fitur berasaskan jenis kata untuk meningkatkan ketepatan model LDA dan mengoptimumkan model ini dengan mencari jumlah topik yang paling relevan, *K*. Dengan menggunakan ulasan-ulasan pengguna di Amazon.com, kajian ini menerapkan pendekatan berdasarkan permodelan topik-sentimen iaitu LDA dan Analisis Sentimen VADER untuk mengekstrak ciri-ciri produk dan menemui pilihan dan tingkah laku pengguna terhadap produk kopi dengan menggunakan data ulasan pelanggan dan metadata produk yang diekstrak oleh Ni et al. (2019). Kajian ini melihat kepada pemilihan dan tingkah laku pengguna berdasarkan pandangan mereka terhadap lebih daripada 16,275 produk kopi yang dijual di laman e-dagang Amazon.com. Hasil penemuan kajian ini menunjukkan bahawa Kata Nama, Kata Kerja dan Kata Keterangan adalah kombinasi terbaik jenis kata dan bilangan topik *K* yang optimum ialah 6. Ciri-ciri kopi yang diekstrak daripada model ini adalah ‘Kualiti Kopi’, ‘Pembungkusan’, ‘Harga’, ‘Khidmate Pelanggan’, ‘Rasa Kopi’ dan ‘Biji Kopi’ dan semua ciri-ciri ini adalah ciri positif kerana sentimen positif mereka mempunyai bilangan ulasan tertinggi berbanding sentimen negatif dan neutral. Dengan hasil kajian ini, pengurus perniagaan yang besar mahupun yang kecil dapat memanfaatkan ulasan tekstual pelanggan untuk lebih memahami keperluan mereka dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik serta dapat meningkatkan penjualan mereka dengan memperbaiki tajuk, deskripsi dan ciri-ciri produk dengan menggunakan kata kunci atau istilah carian yang lebih relevan.

SENTIMENT ANALYSIS, SELECTION EVALUATION AND BEHAVIOR OF E-COMMERCE USERS USING LDA AND FEATURE SELECTION

ABSTRACT

Amazon.com has started to get high demand in the retail category since the world was hit by the coronavirus pandemic crisis where many are increasingly relying on online purchases than ever before. Thus, understanding how consumers make decisions when shopping online has become an important subject to the e-commerce industry as consumers' purchasing decisions will directly influence the sale of goods. This situation has made it a necessity for Amazon.com to obtain detailed information on consumers' needs and formulate products that can meet their demands such as coffee products. Therefore, the objective of this study is to extract product characteristics, choice patterns and consumer behavior towards a product from the text by developing a topic modeling-based method, Latent Dirichlet Allocation (LDA). In addition, the study also developed Part of Speech tagging-feature model to improve the accuracy of the LDA model and optimize this model by finding the most relevant number of topics, K. This study applied a topic-sentiment modeling approach which is LDA and VADER Sentiment Analysis to extract product characteristics and discover consumer preferences and behaviors over 16,275 of coffee products using customer review data and product metadata from Amazon.com which was extracted by Ni et al. (2019). The results of this study showed that Nouns, Verbs and Adverb are the best combination of word types and the optimal number of topics, *K* is 6. The characteristics of coffee extracted from this model are 'Coffee Service', 'Coffee Quality', 'Price', ' Coffee Bean', 'Coffee Flavor' and 'Packaging' and all these features are positive features because their positive sentiments have the highest number of reviews compared to negative and neutral sentiments. With the results of this study, business managers and sellers can leverage their customers' reviews to better understand their needs by providing better services and to increase their sales by improving the product titles, descriptions and features by using keywords or search terms that are more relevant.

KANDUNGAN

Halaman

SENARAI JADUAL

SENARAI ILUSTRASI

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Penjualan barangan runcit dalam talian di Amazon.com melonjak tiga kali ganda pada suku kedua disebabkan oleh pesanan dari rumah dan penularan wabak COVID-19 (Browne 2020). Apabila wabak COVID-19 mula merebak menjadi lebih serius pada Mac 2020, permintaan barangan runcit semakin meningkat di Amazon.com di mana orang ramai semakin bergantung kepada pembelian dalam talian berbanding tahun sebelumnya. Dalam pendapatan suku kedua syarikat peruncitan gergasi ini, pihak eksekutif syarikat menjelaskan bahawa platform e-dagang, Amazon.com telah menyaksikan lonjakan kepada perdagangan dan peruncitan dalam talian berbanding suku sebelumnya (Browne 2020). Dengan peningkatan pembelian barangan basah dan makanan dalam talian, maklumat terperinci mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan produk makanan dalam talian oleh pengguna menjadi keperluan penting kepada peniaga. Berbeza dengan kaji selidik yang kebiasaannya digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai pemilihan dan pengalaman pengguna yang dimanipulasi oleh penyelidik dan syarikat, pandangan dan komen yang jujur oleh pelanggan dalam talian juga menyajikan kita dengan maklumat yang tidak berat sebelah terhadap sesuatu produk. Oleh yang demikian, dengan menggunakan kepelbagaian pandangan dan kritikan yang ditulis di ruangan komen pelanggan di Amazon.com, kajian ini telah menerapkan pendekatan berdasarkan model sentimen-topik untuk mengetahui dan memahami pemilihan dan tingkah laku pengguna terhadap produk kopi yang terdapat di platform Amazon.com.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perniagaan dalam talian telah menjadi saluran penting untuk penjualan pelbagai produk. Pembelian barangan dalam talian seperti barangan runcit segar yang siap dibungkus kemas telah meningkat sebanyak 15 peratus sejak akhir dua tahun ini (Nielsen 2018). Menurut laporan oleh syarikat pengukuran global Nielsen, pembelian kategori yang lain juga turut meningkat ekoran daripada peningkatan keyakinan pengguna terhadap ekosistem membeli-belah dalam talian (Nielsen 2018). Di samping itu, penjualan e-dagang pada suku kedua tahun 2020 telah menyumbang sebanyak 16.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penjualan di Amerika Syarikat (AS). Anggaran penjualan e-dagang runcit AS adalah berjumlah $200.7 bilion untuk suku kedua pada tahun 2020 di mana 37.0 peratus (± 1.2%) lebih daripada suku pertama 2020 (US Census Bureau 2020). Menjelang 2021, penjualan di laman web akan menjejaskan 46 peratus penjualan luar talian dan penjualan yang dipengaruhi laman web akan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) iaitu sebanyak 8.5% dari 2016 hingga 2021 (Forrester 2016).

Tambahan pula, dengan ancaman virus COVID-19 yang tinggi dan setiap negara mengarahkan semua penduduk untuk kekal berada di rumah, pembelian barangan keperluan secara dalam talian secara tidak langsung menjadi lebih menarik kepada banyak pengguna. Menurut kaji selidik runcit dalam talian oleh US Coresight Research, e-dagang runcit akan berkembang sebanyak 40 peratus pada tahun 2020 untuk mencapai $ 38 bilion dalam jualan, setara dengan 3.5 peratus dari keseluruhan pasaran (Research 2020). Di samping itu, pemerolehan *Whole Foods Market* baru-baru ini oleh Amazon.com adalah contoh terbaik mengenai potensi membeli makanan dalam talian dan membeli-belah di masa hadapan. Oleh yang demikian, memahami bagaimana pengguna membuat keputusan ketika membeli-belah dalam talian telah menjadi subjek penting kepada penyelidik dan syarikat e-dagang kerana keputusan pembelian pengguna secara langsung akan mempengaruhi penjualan barangan.

Justeru, matlamat kajian ini adalah untuk membangunkan kaedah atau alatan cerdas untuk pemain industri untuk meneliti dan memberi tumpuan kepada pelbagai topik yang dapat menafsirkan pandangan dan pendapat pengguna dalam talian mengenai suatu produk seperti kopi untuk mengetahui pilihan dan tingkah laku

pengguna kopi terhadap produk kopi yang terdapat di platform e-dagang Amazon.com Kajian ini juga akan mengeluarkan dan mentafsirkan maklumat yang diperlukan untuk menaikkan taraf platform pandangan dan pendapat pelanggan agar memberi manfaat kepada pembeli dalam talian malah mengurangkan masa mereka dalam mencari produk yang relevan untuk keperluan mereka. Di samping itu, bukan sahaja pelanggan mendapat keuntungan malah kajian diharapkan dapat memberi sumbangan serba sedikit memberi kefahaman kepada penjual dan syarikat tentang kepentingan maklum balas pengguna untuk memperbaiki sistem pasaran mereka, termasuklah memulihkan perkhidmatan dan produk, audit fungsi dalaman, dan meningkatkan kualiti produk.

1.2.1 Pasaran Kopi

Wabak koronavirus telah mempengaruhi hampir setiap industri termasuklah industri kopi. Buat masa sekarang, kopi telah menjadi produk kedua terpenting dalam perdagangan antarabangsa selepas minyak dan menurut H.R. Neumann dari Kumpulan Neumann Kaffe, permintaan kopi di peringkat dunia akan meningkat daripada 144 juta beg pada tahun 2015 hingga ke 200 juta beg menjelang tahun 2030 (Wróblewski & Mokrysz 2017). Keadaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi peningkatan persaingan di pasaran dan penawaran produk menjadi semakin luas. Kepelbagaian produk kopi yang ditawarkan di pasaran sering menyukarkan pengguna dalam membuat pilihan kopi semasa membeli. Keputusan dalam pembelian kopi dipengaruhi oleh beberapa faktor yang kompleks seperti kualiti produk, pasaran harga, kaedah penyediaan dan kemudahan mendapatkan kopi tersebut (Wróblewski & Mokrysz 2017).

Antara faktor lain yang patut dipertimbangkan oleh pengguna kopi dalam proses membuat keputusan adalah jenis dan jenama kopi. Berdasarkan penulisan Wróblewski dan Mokrysz (2017), pemilihan pengguna kopi di Poland bergantung kepada jenis kopi (kopi tanah, kopi segera, biji kopi dan *cappuccino* segera) dan beberapa jenama pilihan biji kopi. Daripada hanya memberi tumpuan kepada pasaran kopi di negara tertentu sahaja, kajian ini meneliti dan mengkaji lebih mendalam mengenai pemilihan dan tingkah laku pengguna kopi di dunia melalui Amazon.com.

1.2.2 Definisi Dan Konsep Tingkah Laku Pengguna

Konsep tingkah laku pengguna muncul dalam sastera Barat secara besar-besaran pada pertengahan tahun 1960-an dan Kaufman (1995) mendefinisikan tingkah laku pengguna sebagai setiap tingkah laku manusia sama ada di rumah, di tempat kerja, di kedai mahupun di jalan, iaitu di mana sahaja mereka berada untuk melakukan aktiviti berkaitan dengan membeli sama ada memikir untuk membeli, melakukan pembelian, atau menggunakan produk yang dibeli (Kaufman 1995). Persatuan Pemasaran Amerika (AMA) mendefinisikan tingkah laku pengguna sebagai interaksi dinamik kognitif, tingkah laku dan keadaan persekitaran di mana manusia membuat pilihan dalam aspek kehidupan mereka dengan mencuba pelbagai pemboleh ubah sosial dan psikologi (Barmola & Srivastava 2010). Tingkah laku pengguna adalah reaksi-reaksi koheren yang berkaitan dengan membuat pilihan dalam proses memenuhi keperluan individu yang bergantung kepada keadaan ekonomi, sosial dan budaya tertentu (Solomon et al. 2012). Aktiviti-aktiviti tersebut yang memenuhi keperluan pengguna adalah pencarian, pembelian, penggunaan dan penilaian barang dan perkhidmatan (Priest et al. 2013).

Pemasaran mempunyai satu matlamat iaitu menjangkau pengguna pada saat "detik-detik yang penting" atau "titik sentuhan"di mana mereka senang dipengaruhi dalam membuat keputusan membeli (Stankevich 2017). Rajah 1.1 menunjukkan metafora corong tradisional iaitu ketika pengguna bermula dengan beberapa jenis jenama yang berpotensi dan mengurangkan jumlahnya secara teratur untuk membuat pembelian (Court et al. 2009). Walau bagaimanapun, konsep corong ini tidak lagi dapat menangkap semua titik sentuh dan faktor pembelian utama disebabkan oleh lambakan jenis produk dan saluran digital serta evolusi pengguna yang semakin mudah mendapat maklumat. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih berkesan diperlukan untuk membantu pemasar mengemudi persekitaran ini yang dikatakan lebih rumit daripada yang dicadangkan oleh corong ini (Stankevich 2017).



Rajah 1.1 Metafora corong tradisional

Berdasarkan kajian yang lepas, banyak kajian telah melakukan penyelidikan mendalam dan mengembangkan pelbagai teori dan model dalam membuat keputusan. Model tradisional proses pembuatan keputusan lima peringkat berfungsi sebagai asas untuk konsep moden seperti model McKinsey pada tahun 2009 (Court et al. 2009) yang telah menerima pelbagai kritikan. Walaupun begitu, tidak dinafikan kepentingan model tersebut. Dengan menggunakan model tradisional sebagai landasan atau rangka kerja yang mempengaruhi "detik-detik yang penting" dalam membuat keputusan dan faktornya dibangunkan dan dibuktikan. Perkara ini dapat membantu dalam pengembangan penyelidikan dengan lebih mendalam sama ada dari segi pengesahan atau penolakan mengenai hubungan ini.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut masih mempunyai jurang yang perlu dikaji memandangkan pergerakan budaya globalisasi sentiasa berubah seiring dengan kemajuan teknologi. Oleh yang demikian, para pengkaji mula mengorak langkah dan berusaha mencari jawapan yang lebih kritis bagi memahami tugas mengawal maklumat mengenai keputusan pengguna kerana tugasan ini dapat membawa kepada peningkatan prestasi. Pandangan baru ini berpotensi menjadi sangat berguna dalam alaf digital ini di mana aktiviti mengawal aliran maklumat memberi pengaruh signifikan terhadap kualiti keputusan, ingatan, pengetahuan dan keyakinan pengguna. Penyelidikan struktur maklumat (jumlah maklumat dalam set pilihan) juga relevan di pasaran elektronik baru, di mana pengguna sering berhadapan dengan lebihan maklumat semasa membuat keputusan.

1.2.3 Peranan Pandangan Pengguna

Apabila berlakunya peningkatan dalam persaingan produk dan maklumat yang terlalu banyak berkemungkinan menyukarkan pengguna dalam talian untuk membuat pilihan yang diperlukan. Laman web peruncitan dalam talian seperti Amazon.com menyediakan satu platform untuk pengguna mengemukakan ulasan untuk berkongsi pendapat dan pengalaman mereka terhadap produk yang telah dibeli dan digunapakai. Kualiti kaji selidik dalam talian (faktor sistematik) yang bercirikan pandangan maklumat dan pandangan persuasif mempunyai kesan yang signifikan terhadap niat membeli sesuatu barangan (Zhang et al. 2014). Menurut Heng et al. (2018), walaupun pengguna pada amnya mempunyai segala maklumat terhadap satu produk yang ingin dibeli, namun paparan ratusan ribu ulasan daripada pengguna lain yang mengandungi pelbagai pendapat dan maklumat yang tidak konsisten akan menyukarkan pengguna untuk menggunakan maklumat tersebut untuk membuat pilihan terbaik. Oleh sebab itu, platform e-dagang seperti Amazon.com sering mengetengahkan maklumat berharga dengan memberikan penilaian, kedudukan produk dan meletakkan aspek "membantu" untuk memudahkan para pengguna menilai ulasan pengguna lain bagi mengurangkan masa mereka dalam mencari maklumat berguna. Setiap keseluruhan ulasan atau pandangan, kedudukan produk, penilaian bermanfaat dan pendapat pengguna dapat memberikan maklumat yang begitu banyak untuk memudahkan penyelidik mengkaji faktor-faktor yang dapat mempengaruhi keputusan pembelian pengguna ketika membeli-belah dalam talian.

Terdapat banyak kajian telah mengkaji tentang kepentingan pendapat dan pandangan dalam talian dalam mempengaruhi keputusan pembelian pengguna. Kajian oleh Heng et al. (2019), Mou et al. (2019), Heng et al. (2018), Chen et al. (2019) dan Jauhari et al.(2020) serta banyak lagi telah menggunakan pendekatan pemodelan topik untuk mengkaji dengan lebih terperinci mengenai topik tersembunyi yang disembunyikan daripada pendapat dan pandangan dalam talian bagi membantu pembeli yang berpotensi melakukan keputusan pembelian yang bijak.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Seiring dengan pertumbuhan Internet dan perdagangan elektronik, pandangan dan pendapat pengguna dalam talian menjadi sumber maklumat penting yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna. Maklumat teks yang terkandung dalam ulasan adalah lebih penting kepada pengguna daripada panjang ulasan atau penilaian keseluruhan produk (Stankevich 2017). Mengabaikan kandungan teks ulasan pengguna adalah kelemahan utama kajian-kajian sedia ada mengenai sistem cadangan (McAuley & Leskovec 2013). Selain itu, menurut Heng et al. (2018), setiap ulasan pengguna adalah maklumat teks yang berdimensi tinggi dan pelbagai topik yang dapat ditafsirkan secara laten dapat membantu pelanggan mencari produk yang paling relevan. Contohnya, Chen et al. (2019) menunjukkan bahawa pendapat dan pandangan dalam talian yang digunakan dalam kajiannya dengan menggunakan LDA dapat dikelompokkan menjadi tiga topik iaitu ekspresi subjektif dan penggunaan memasak, ciri produk, dan penggunaan kecantikan. Dalam hal ini, tinjauan dimensi tinggi dapat diproses dengan pendekatan perlombongan topik untuk mengekstrak topik laten yang berdimensi rendah.

LDA adalah teknik permodelan yang agak kompleks tetapi fleksibel. LDA dianggap mempunyai varians yang sangat tinggi dan bias yang rendah. Ini bermaksud LDA memerlukan banyak data untuk mempelajari sesuatu yang bermakna. Jika tidak mempunyai cukup kata dalam dokumen, maka tidak mempunyai cukup data untuk menyimpulkan sebaran topik yang dapat dipercayai untuk dokumen tersebut. Teks atau korpus ulasan pengguna yang digunakan dalam analisis menggunakan pembelajaran mesin secara umumnya adalah Bag of Word (BoW). Walau bagaimanapun, data input berasaskan BoW adalah tidak mencukupi meningkatkan prestasi pembelajaran mesin dalam menentukan polariti atau lain-lain analisis dokumen dalam talian. Oleh itu, teknik seperti LDA memerlukan input dalam fitur atau ciri yang lebih spesifik sehingga mampu memberikan keputusan yang lebih baik. Pemilihan atau padanan golongan kata (*Part-of-Speech (POS)*) yang diekstrak dari teks secara hipotetikal, boleh memberikan skor ketepatan lebih tinggi berbanding daripada dokumen tanpa proses pemilihan ciri POS. Dengan menggunakan beberapa set ciri berasaskan POS, maka kesan penggunaan set golongan kata seperti kata sifat atau kata kerja dapat dikaji. Antara objektif kajian

ini adalah untuk membangunkan teknik pemilihan fitur berasaskan POS untuk mendapatkan set golongan kata paling berkesan. Hasil proses fitur berasaskan POS akan menjadi input untuk proses analisis sentimen dengan menggunakan kaedah LDA.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah *Latent Dirichlet Allocation* (LDA) berkesan dalam mengekstrak ciri produk, pola pilihan dan tingkah laku pengguna terhadap suatu produk dari teks?

2. Apakah set golongan kata yang dapat meningkatkan prestasi *Latent Dirichlet Allocation* (LDA)?

3. Apakah topik terpendam (tersembunyi) yang berdasarkan pandangan dan pendapat pelanggan dalam talian dan bagaimana topik ini dapat mempengaruhi keputusan mereka dalam talian?

4. Bagaimana mengoptimumkan model LDA?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membangunkan kaedah permodelan topik berasaskan *Latent Dirichlet Alloaction* (LDA) untuk mengekstrak ciri produk, pola pilihan dan tingkah laku pengguna terhadap suatu produk dari teks.

2. Untuk membangunkan model fitur berasaskan jenis kata untuk meningkatkan ketepatan model LDA.

3. Untuk mengoptimumkan model *Latent Dirichlet Allocation* (LDA) dengan mencari jumlah topik yang paling relevan, *K*.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan meneliti dan memberi tumpuan untuk mengenalpasti jumlah topik yang optimal, dikeluarkan daripada pandangan dan pendapat pelanggan dan menggunakan topik-topik ini seperti ciri-ciri kopi untuk mengetahui pilihan pengguna kopi dan tingkah laku mereka terhadap produk kopi yang terdapat di platform e-dagang Amazon.com. Selain itu, kajian ini turut menggunakan data daripada pandangan dan pendapat pengguna Amazon.com dan metadata produk ke atas barangan runcit dan ia akan menggunakan data ulasan pelanggan Amazon.com dan metadata produk pada barangan runcit dan produk makanan gourmet dari Februari 2007 sehingga Oktober 2018 yang dikumpulkan oleh Ni et al. (2019).

Terdapat lebih daripada 5,074,160 ulasan yang berbeza dan 287, 209 jenis produk tetapi kajian hanya memberi tumpuan kepada produk kopi sahaja. Selain itu, kajian ini akan menggunakan model *Latent Dirichlet Allocation* untuk meneroka topik yang paling penting dan menggunakan skor koheran (*Topic Coherence Score)* untuk menjustifikasikan pemilihan model secara kuantitatif di mana ia menggabungkan beberapa langkah ke dalam rangka kerja untuk menilai koheren antara topik yang disimpulkan oleh model. Seterusnya, selepas memperoleh topik, kajian ini turut membincangkan lebih terperinci mengenai kegunaan Analisis Sentimen untuk menentukan ciri-ciri kopi dengan cara yang signifikan dalam mengaruhi niat pembelian pelanggan.

1.7 SIGNIFIKAN KAJIAN

Memahami dan mengetahui kehendak pelanggan adalah kunci utama kejayaan setiap perniagaan, sama ada menjual secara langsung atau tidak langsung kepada individu atau perniagaan lain. Setelah para peniaga mempunyai pengetahuan sebegini, amat mudah bagi mereka menggunakannya kajian ini untuk meyakinkan pelanggan yang berpotensi dan sedia ada dalam menggunakan perkhidmatan mereka adalah keputusan yang terbaik bagi memenuhi kehendak pelanggan. Di samping itu, kajian ini juga berharap dapat akan menghubungkan ulasan tekstual pelanggan dalam talian dengan persepsi pelanggan untuk membantu pengurus perniagaan lebih memahami keperluan pelanggan dengan lebih baik. Dengan adanya maklumat sebegini, pengkaji berharap dapat

memberikan sumbangan yang berguna dalam meningkatkan perniagaan syarikat dari segi penambahbaikan produk.

Selain itu, kajian ini juga berharap dapat membantu perniagaan kecil atau sederhana seperti peniaga yang berdagang dalam Amazon.com untuk meningkatkan penjualan mereka dengan memperbaiki tajuk, deskripsi dan ciri-ciri dengan menggunakan kata kunci atau istilah carian yang lebih relevan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pembeli yang sedia ada dan yang berpotensi. Akhir sekali, lebih ramai pengguna akan menggunakan platform membeli-belah dalam talian yang memiliki sistem mesra pengguna terutama bagi pengguna baru di mana mereka dapat mengakses dan menyelusuri platform dengan mudah dan menapis beribu-ribu produk dalam mencari produk relevan dalam masa yang singkat.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini, kemajuan teknologi Internet dan Web yang sedang bergerak laju telah mempercepat perkembangan perdagangan elektronik dan menempatkan perniagaan dan pelanggan dalam norma yang baru. Perusahaan telah membangunkan portal perniagaan baru dan menyediakan sejumlah besar maklumat produk untuk memperluas pasaran mereka dan mewujudkan lebih banyak peluang bisnes di mana pelanggan mempunyai lebih banyak peluang untuk memilih pelbagai produk bagi memenuhi keperluan mereka (Picard 2000).

Walaupun maklumat dalam pemasaran Internet dan perdagangan elektronik tidak menentu, maklumat daripadanya tetap mempunyai potensi dan memberi kesan kepada pengguna. Hal ini demikian kerana Internet dan perdagangan elektronik telah memperluaskan kemungkinan untuk penjenamaan, inovasi, harga, dan penjualan (Ahmad et al. 2018). Walau bagaimanapun, pertumbuhan maklumat yang eksponensial dan digabungkan dengan pengembangan laman web perniagaan yang pesat telah menyebabkan maklumat diedarkan secara berlebihan. Oleh yang demikian, pengguna telah menghabiskan terlalu banyak masa melayari internet untuk mencari maklumat yang mereka perlukan. Salah satu jalan penyelesaian untuk masalah yang disebutkan di atas adalah dengan mencipta satu sistem cadangan mudah iaitu menyediakan perkhidmatan maklumat diperibadikan yang mengumpul segala maklumat produk yang diperlukan oleh pengguna dalam membantu mereka membuat keputusan pembelian (Schafer et al. 2001). Tujuan perkhidmatan maklumat yang diperibadikan adalah untuk menyesuaikan strategi promosi dan iklan agar seiring dengan minat pelanggan (Cao & Li 2007).

Dengan menyediakan perkhidmatan pemperibadian pelanggan dan berkomunikasi atau berinteraksi dengan pelanggan, perniagaan baru boleh berurusan dengan pengalaman Web pelanggan khusus. Pemahaman pelanggan seperti itu dapat digunakan untuk mengubah maklumat pelanggan menjadi perkhidmatan atau produk yang berkualiti tinggi (Sung-Shun & Mei-Ju 2004). Pemasaran satu-antara-satu dianggap sebagai pendekatan yang paling berkesan untuk pengurusan perhubungan pelanggan dari segi meningkatkan kepuasan pelang12gan, kadar maklum balas, kesetiaan, jualan Web, dan reputasi. Namun begitu, bagaimana pula dengan perniagaan yang ingin mengenal pasti minat pelanggan mereka yang mempunyai jumlah pelanggan yang tinggi? Membina perkhidmatan Internet yang diperibadikan adalah jawapan kepada permasalahan ini. Matlamat pemperibadian adalah untuk menyesuaikan strategi promosi dan iklan dengan pilihan pelanggan (Cao & Li 2007). Sesuatu perniagaan perlulah memahami terlebih dahulu minat dan pilihan pelanggan sebelum memberikan produk atau perkhidmatan yang sesuai pada waktu yang bersesuaian. Kajian Cao & Li (2007) dapat meningkatkan jumlah orang yang mengunjungi kedai Web, peluang penjualan dan pendapatan iklan dan juga keuntungan laman web.

2.2 SISTEM PENGESYORAN PRODUK

Pelbagai sistem pengesyoran yang diperibadikan dapat dikembangkan untuk membantu pengguna melalui ruang ciri produk yang besar tetapi bergantung kepada jenis produk. Sistem cadangan untuk produk yang sering dibeli dapat dikembangkan dengan menganalisis maklumat peribadinya, sejarah penyemakan imbas, dan produk yang dibelinya (Gao et al. 2010). Namun untuk pengguna biasa yang kurang kerap membeli, perusahaan tidak mempunyai cukup maklumat mengenai pembelian masa lalu pelanggan dan keperluan spesifiknya untuk produk tertentu dan menyebabkan pilihan pelanggan menjadi sukar dan mustahil (Cao & Li 2007). Nasihat pakar domain sangat diperlukan dalam situasi ini. Oleh yang demikian, sistem cadangan perlu mempunyai pengetahuan domain tertentu serta kemampuan untuk berinteraksi dengan pengguna. Justeru itu, sistem dapat memperoleh dan menganalisis keperluan semasa pelanggan terhadap beberapa jenis produk yang telah dikenal pasti, dan kemudiannya menilai produk yang relevan untuk membantunya dalam membuat pemilihan yang terbaik.

Dengan sistem cadangan yang diperibadikan, pengguna dapat mengakses maklumat yang mereka inginkan dengan cepat sambil menjimatkan masa mereka membaca dokumen elektronik. Namun demikian, perusahaan dapat belajar tentang kebiasaan membeli pelanggan mereka dan kemudiannya mengembangkan strategi pemasaran yang paling tepat untuk menarik pelanggan lain dan menyampaikan maklumat yang mereka cari dengan tepat. Oleh yang demikian, kepuasan dan kesetiaan pelanggan dapat ditingkatkan dan peningkatan frekuensi kunjungan pelanggan dapat menciptakan lebih banyak peluang transaksi dan menguntungkan perusahaan Internet (Gummerus et al. 2012).

Kebiasaan membeli dan data demografi pelanggan masa lalu dapat digunakan untuk meramalkan kebiasaan pembelian masa depannya di laman web e-commerce. Oleh yang demikian, produk yang dipersonalisasi dapat disarankan kepada pelanggan ekoran penukaran daripada pengguna menjadi pelanggan dan peningkatan kesetiaan pelanggan dan penjualan silang (Grbovic et al. 2015). Selain itu, sistem cadangan boleh menyediakan perkhidmatan maklumat peribadi dalam pelbagai cara bergantung kepada sama ada sistem tersebut sebelumnya telah merekod dan menganalisis pilihan pelanggan (Le & Liaw 2017). Dalam jenis sistem cadangan peribadi yang pertama, maklumat peribadi pelanggan dikumpulkan terlebih dahulu, kemudiannya sistem menjelaskan pilihan pelanggan dengan menganalisis dan memodelkan maklumat peribadi yang ada (Grbovic et al. 2015). Setelah maklumat peribadi pengguna diperoleh, sistem cadangan kemudiannya dapat membina model komputerisasi untuk mencadangkan kepada pengguna pilihan item yang lain dari domain aplikasi yang sama. Malah, karya cadangan boleh dianggap sebagai klasifikasi dengan menggunakan maklumat yang sudah diketahui untuk menyusun model bagi meramalkan kejadian yang tidak diketahui (Cao & Li 2007).

Berbeza dengan sistem di atas yang berkaitan dengan pilihan pengguna sebelumnya, jenis sistem cadangan yang diperibadikan dirancang untuk produk yang kurang kerap dibeli dan keperluan khusus pengguna dalam satu transaksi (Hsu et al. 2012). Tambahan pula, pengguna memerlukan pengetahuan domain khusus untuk menilai kualiti produk yang sesuai (Cai & Zhu 2015). Daripada memodelkan pilihan masa lalu pelanggan, sistem cadangan mencari maklumat singkat yang diberikan oleh

pengguna ketika berunding dengan sistem untuk mendapatkan cadangan dan pengetahuan pakar yang terbaik mengenai produk tersebut (Kim et al. 2017). Terlebih dahulu, sistem cadangan mengambil beberapa produk dari pangkalan data dengan mengira persamaan antara produk di dalam pangkalan data dan ciri produk sasaran. Pengguna kemudiannya dapat menyesuaikan keperluannya berdasarkan ciri khas produk yang disarankan dan meminta agar sistem mencadangkan item yang baru. Dengan cara ini, pengguna dapat menemui produk terbaik yang memenuhi kehendaknya.

2.3 PEMODELAN TOPIK DAN ANALISIS TEKS DALAM PEMASARAN

Berdasarkan kajian lepas, soal selidik, panel pelanggan, dan pandangan pakar telah digunakan untuk menghasilkan pendapat pelanggan bagi tujuan perniagaan dan pemasaran. Kaedah ini dikatakan terlalu mahal dan tidak selalu mencapai bilangan responden yang besar. Pemantauan media dan penyelidikan manual media sosial, blog, dan sumber data luaran lain dapat mendedahkan perkembangan yang sedang meningkat atau masalah yang penting bagi khalayak ramai. Mencari isyarat dalam jumlah besar data teks tanpa memerlukan tenaga kerja manual dapat memberi manfaat kepada pengguna tentang perkembangan pasaran. Peningkatan sumber dan kemudahan mengakses perisian pengkomputeran yang lebih besar dan digabungkan juga dengan kaedah analisis teks menjadikannya lebih mudah dan senang untuk mengembangkan aplikasi (Chakraborty 2014).

Analisis teks adalah istilah luas yang merangkumi kaedah untuk menarik maklumat dari teks dan menukar teks menjadi data yang berguna untuk analisis (Sarkar 2016). Ini termasuk pengambilan dokumen, pendanaan bahagian ucapan, pemodelan topik dan analisis sentimen. Pemodelan topik adalah kaedah analisis teks utama yang dikaji dan digunakan dalam projek ini. Kaedah ini digunakan untuk klasifikasi tanpa pengawasan data teks bagi mengekstrak topik terpendam atau tersembunyi dari teks (Ibrahim & Wang 2019). Penguraian teks menjadi topik mengubah data teks tidak berstruktur menjadi format yang dapat digunakan untuk pemeriksaan yang lebih luas dari sekumpulan dokumen, pengindeksan dokumen, pengelompokan dokumen, dan analisis semantik. Kaedah pemodelan topik yang paling biasa digunakan adalah *Latent*

Dirichlet Allocation (LDA) yang dikembangkan oleh Blei, Ng dan Jordan (2003) yang akan menjadi fokus projek ini.

2.3.1 *Latent Dirichlet Allocation* (LDA) Model

Latent Dirichlet Allocation (LDA) adalah model probabilistik generatif korpus dengan dua peringkat. LDA pada dasarnya adalah lanjutan dari Probabilistic Latent Semantic Indexing (pLSI) dengan model generatif untuk dokumen yang dikembangkan oleh Blei et al. (2003). Selain itu, LDA juga adalah teknik pemodelan topik yang standard industri dan paling banyak digunakan. Di samping itu, ia juga mengekalkan struktur pLSI di mana setiap dokumen diwakili oleh campuran topik dan topik tersebut diwakili oleh campuran istilah. Perwakilan topik laten dari corpus teks disediakan oleh model topik probabilistik. Setiap topik pada dasarnya adalah pengedaran kejadian perkataan dalam topik, dan setiap dokumen dalam korpus dimodelkan sebagai pengedaran topik.

Pembangunan LDA memfasilitasi pengembangan sekumpulan model topik yang lebih kompleks yang mempunyai struktur dokumen-topik-campuran dan istilah-topik-campuran yang sama. Pada waktu yang sama, LDA juga memperluaskan kemampuan model dengan cara yang lain. Seterusnya, LDA menggantikan distribusi topik tetap pLSI dengan proses generatif di mana campuran topik, θ dari dokumen diambil dari taburan Dirichlet yang mengikut parameter, α. Dirichlet adalah taburan *simplex*, yang bermaksud bahawa vektor yang dilukis berjumlah satu. Selain memodelkan pengedaran topik dokumen dengan Dirichlet dan bukan campuran topik statik, berdasarkan Rajah 2.1, LDA secara struktural serupa dengan pLSI dengan cara berikut:

1. Contoh bilangan istilah N dalam dokumen dari sebaran Poisson.
2. Contoh pengedaran topik multinomial θ dalam dokumen dari Dirichlet
3. Pengedaran berparameter oleh α.
4. Untuk setiap istilah w_n dengan N :
    a. Sampelkan topik z_n istilah dari taburan topik multinomial θ.

b. Sampelkan istilah w_n dengan kebarangkalian p (w_n | z_n, β), yang merupakan taburan multinomial yang ditentukan berdasarkan topik z_n.

Rajah 2.1 menggambarkan model LDA sebagai gambarajah plat. Jumlah topik, *K* adalah satu-satunya hiperparameter model, seperti pLSI, dan ia ditetapkan sebelum dimuatkan ke dalam model. Oleh kerana LDA mempunyai model penjanaan lengkap, mengira kemungkinan model pada data yang dipegang atau menilai pentafsiran model yang diberikan *K* boleh digunakan untuk menentukan *K*.



Rajah 2.1 Gambarajah plat untuk proses penjanaan bagi LDA

Terdapat dokumen *M* dan setiap edaran topik dokumen, *θ* diambil sampel dari Dirichlet yang dipadan oleh α. Terdapat *N* terma dalam setiap dokumen yang dihasilkan dengan mengambil sampel topik *z* dari *θ* dan kemudian mengambil sampel istilah dari sebaran istilah multinomial topik yang dikondisikan pada *z*. Rajah 2.1 serupa dengan apa yang dikemukakan oleh Blei, Ng dan Jordan (2003).

2.3.2 Kajian yang Berkaitan Menggunakan *Latent Dirichlet Allocation* (LDA) Dalam Keputusan Pembelian Pengguna

Walaupun membeli-belah dalam talian telah menjadi saluran penting bagi pengguna untuk mendapatkan barang runcit, ulasan dalam talian menjadi sumber yang kaya untuk memahami tingkah laku pengguna. Sebilangan besar kajian dilakukan pada pelbagai jenis dokumen teks tidak berstruktur mengenai ulasan dalam talian melalui LDA untuk meningkatkan keputusan pembelian pengguna. Projek ini menggunakan data tinjauan

Amazon.com untuk meneroka faktor penting bagi pengguna dalam talian untuk membeli kopi pilihan mereka.

Jadual 2.1 Senarai Kajian yang Menggunakan Pemodelan Topik

Penulis	Tajuk	Dapatan Kajian
Wang et al. (2018)	*Topic analysis of online reviews for two competitive products using Latent Dirichlet Allocation (LDA)*	Kajian ini mengaplikasikan LDA untuk menganalisis kelebihan dan kekurangan persaingan dua produk kompetitif menggunakan ulasan dalam talian. Mereka menemui pelengkap ciri produk dalam ulasan positif dan negatif.
Heng et al. (2018)	*Exploring hidden factors behind online food shopping from Amazon reviews: A topic mining approach*	Kajian ini menggunakan LDA untuk menemui empat faktor yang mempunyai kesan signifikan terhadap kesediaan ulasan pelanggan terhadap produk kopi: perkhidmatan Amazon, ciri fizikal, ciri perasa, dan ekspresi subjektif. Pembaca ulasan pelanggan menganggap ulasan objektif lebih bermanfaat daripada ulasan subjektif. Di samping itu, keselesaan ulasan pelanggan mempunyai hubungan cekung dengan panjang ulasan.
Heng et al. (2019)	*A Topic Mining Approach to Understand What Matters to Online Grocery Consumers: the Cases of Coconut Oil*	Kajian ini menggunakan LDA dan telah mengenal pasti tiga topik: ekspresi subjektif dan penggunaan memasak, ciri produk, dan penggunaan kecantikan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa walaupun minyak kelapa dapat digunakan untuk memasak dan kecantikan, namun pengguna membezakan kegunaannya ketika mereka membeli dan memberikan ulasan.
Westerlund et al. (2019)	*Topic modelling analysis of online reviews: Indian restaurants at Amazon.com*	Kajian ini menggunakan LDA pada 3,302 ulasan dalam talian mengenai restoran berpusat di A.S. yang menjual makanan India melalui Restoran Amazon. Hasil kajian mereka menunjukkan lima topik yang diketahui sebelumnya dalam ulasan restoran dan dua topik baru yang berkaitan dengan pesanan dalam talian dan penghantaran ke rumah.
Mou et al. (2019)	*Understanding the topics of export cross-border e-commerce consumers feedback: an LDA approach*	Kajian ini menggunakan LDA dan menemui 35 topik utama yang paling banyak disebut oleh pembeli dan penjual. Berdasarkan penemuan mereka, penjual menganggap komisen, audit produk, komunikasi antara penjual dan pembeli, pengurusan pesanan dan lalu lintas sebagai paling penting. Sementara itu, pembeli pula menyebut pengembalian dan pengembalian dana, penjejakan produk, keterangan produk, masa penghantaran, dan prestasi penjual jauh lebih penting daripada topik yang lain.
Jauhari et al. (2020)	*Assessing Customer Needs Based on Online Reviews: A Topic Modeling Approach*	Kajian ini menggunakan LDA untuk meneroka pilihan dan penggunaan pelanggan terhadap trend fesyen. Hasilnya menemui empat topik umum yang dibincangkan: Aksesori, Pakaian, Kualiti, dan Penampilan yang akan memberi manfaat dan meningkatkan perniagaan fesyen dengan memperhitung pengembangan produk.
Lucini et al. (2020)	*Text mining approach to explore dimensions of airline customer satisfaction using online customer reviews*	Kajian ini menggunakan LDA untuk mengenal pasti 27 dimensi kepuasan. Implikasi praktikal yang mereka dapati bagi pengurus perkhidmatan syarikat penerbangan dalam meningkatkan kepuasan pelanggan adalah layanan pelanggan kepada penumpang kelas pertama, keselesaan kepada penumpang ekonomi premium, dan pemeriksaan bagasi dan waktu tunggu untuk pelancong kelas ekonomi.

bersambung...

...sambungan

Sutherldan et al. (2020)	*Topic Modeling of Online Accommodation Reviews via Latent Dirichlet Allocation (LDA)*	Kajian ini menggunakan LDA dalam talian ulasan pelanggan penginapan Korea dan mereka mendapati kualiti lokasi dan perkhidmatan adalah penting. Mereka memperluaskan dimensi kepentingan yang sedia ada oleh aspek lokasi dan kualiti perkhidmatan dan mendedahkan perbezaan dalam topik yang penting antara ciri-ciri penginapan yang berbeza.
Ding et al. (2020)	*Employing structural topic modelling to explore perceived service quality attributes in Airbnb accommodation*	Kajian ini menggunakan LDA untuk mengekstrak atribut kualiti perkhidmatan dari 242,020 ulasan Airbnb di Malaysia. 22 topik berkaitan perkhidmatan diekstrak dari korpus dan empat topik belum muncul dalam kajian Airbnb sebelumnya. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pengguna Airbnb Malaysia lebih mementingkan penampilan dan lokasi tempat penginapan berbanding dengan pengguna Airbnb antarabangsa yang lebih mementingkan sama ada tempat itu dapat menampung sekumpulan orang. Selanjutnya, komunikasi dengan tuan rumah memainkan peranan yang semakin penting dalam pengalaman penginapan pengguna Airbnb.
Luo et al.(2020)	*Topic modelling for theme park online reviews: analysis of Disneyland*	LDA digunakan untuk menganalisis ulasan dalam talian taman tema untuk menangkap dan mendedahkan pdanangan yang menyeluruh mengenai pengalaman, kebimbangan, dan kepuasan pengunjung. Pendekatan dan penemuan yang dicadangkan mereka bermanfaat untuk menolong pengurus taman tema dalam memahami persepsi pengunjung, di mana rancangan pemasaran dan penambahbaikan yang berkesan dapat dikembangkan untuk menarik dan mengekalkan pelanggan masa depan.
Li et al. (2021)	*Meal Kit Preferences during COVID-19 Pandemic: Exploring User-Generated Content with Natural Language Processing Techniques*	Kajian ini menggunakan LDA untuk menganalisis 51,497 ulasan pelanggan untuk sembilan syarikat kit makanan di Amerika Syarikat dari 2019 hingga 2020 dan memperoleh empat topik yang dibincangkan oleh pelanggan dalam komen, termasuk pengalaman, kualiti makanan, kemudahan dan perkhidmatan.

2.3.3 Kerja Berkaitan Penambahbaikan dan Mengoptimumkan *Latent Dirichlet Allocation* (LDA)

Corpus yang sederhana besar biasanya boleh mengandungi lebih daripada 100,000 kata unik dengan kebanyakan kata-kata ini hanya terdapat dalam beberapa dokumen. Menerapkan model LDA pada semua perkataan dalam korpus adalah mahal secara komputerisasi dan tidak begitu berguna, kerana kebanyakan perkataan mempunyai corak pengedaran yang tidak menyumbang kepada topik yang bermakna. Teknik yang berguna untuk menyaring perkataan yang terlalu jarang atau terlalu umum adalah menggunakan tf-idf (istilah frekuensi - kekerapan dokumen terbalik) yang memberikan skor rendah pada kata-kata yang sangat jarang atau sangat kerap (Jacobi et al. 2016). Pilihan lain adalah dengan memotong frekuensi minimum untuk menyaring kata-kata

yang jarang berlaku dan menggunakan senarai kata berhenti umum (dan atau membatasi kekerapan dokumen terbalik) untuk menyaring perkataan yang terlalu umum.

Untuk pemodelan topik, selalunya lebih baik hanya menggunakan bahagian pertuturan tertentu, terutamanya kata nama, kata nama yang betul dan bergantung pada tugas dan korpus, kata adjektif dan kata kerja. Model ini secara automatik menyaring kata berhenti yang paling umum, yang cenderung menjadi penentu atau preposisi (kecuali kata kerja umum seperti 'menjadi' ("*to be")* dan 'memiliki' ("*to have")*. Terdapat banyak kajian sebelumnya yang menggunakan bagian pendanaan ucapan dalam model LDA mereka seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.2. Salah satu kajian menunjukkan bahawa purata koherensi topik yang diperhatikan dan purata pengesanan pencerobohan perkataan meningkat berbanding dengan pemodelan korpus mentah (Martin & Johnson 2015).

Jadual 2.2 Senarai kajian menggunakan pemodelan topik dan kaedahnya untuk memperbaiki dan mengoptimumkan model LDA

Penulis	Tajuk	Metode
Darling et al. (2012)	*Unsupervised Part-of-Speech Tagging in Noisy and Esoteric Domains with a Syntactic-Semantic Bayesian HMM*	Kajian ini menggunakan *Part-of-Speech* LDA (POSLDA), sebuah model probabilistik generatif yang konsisten secara sintaksis dan semantik. Model ini menemui topik khusus POS dari korpus yang tidak berlabel dan menunjukkan bahawa model ini secara konsisten mencapai peningkatan dalam pendanaan POS tanpa pengawasan dan pemodelan bahasa melalui pendekatan Bayesian HMM dengan jumlah maklumat sampingan yang berbeza dalam domain Twitter yang bising dan esoterik. **Tag *Part of Speech*:** Kata Nama, Kata nama yang tepat, Kata Nama yang tepat + Berpengalaman, Kata Nama yang tepat + Kata Kerja, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Pepatah **Bilangan topik, *K*** = 5,10 *, 15,20,25,30
Hatami et al. (2013)	*N-gram Adaptation Using Dirichlet Class Language Model Based on Part-of-Speech for Speech Recognition*	Kajian ini mencadangkan *Dirichlet Class Language* Model (DCLM) berdasarkan *Part-of-Speech* untuk meningkatkan keadaan terkini LDA. Eksperimen mereka menunjukkan bahawa menggunakan maklumat POS bersama dengan kata-kata sejarah dan kelas kata sejarah meningkatkan model bahasa, dan mengurangkan kebingungan pada korpus kita. Mengeksploitasi maklumat POS bersama dengan DCLM, kadar kesalahan kata sistem ASR menurun sebanyak 1% berbanding dengan DCLM.

bersambung...

...sambungan

Darling & Song (2013)	*Probabilistic topic and syntax modeling with part-of-speech LDAs*	Model LDA gabungan topik dan model sintaksisnya, *Part-of-Speech* LDA atau POSLDA di mana output POSLDA boleh membawa kepada peningkatan kualiti yang kuat: bahagian yang tidak diawasi-pendanaan ucapan. Kajian mereka menunjukkan bahawa menggabungkan dua paksi makna kata iaitu sintaksis dan semantik menjadi model yang koheren dapat menghasilkan peningkatan pada kedua-dua pengedaran topik yang dipelajari dan tugas NLP seperti pemberian tag POS. Selain itu, mereka menunjukkan bahawa menggabungkan dua paksi kata mencapai kebingungan yang lebih rendah dan oleh itu kemampuan ramalan yang lebih baik. **Bahagian tag ucapan:** Kata Adjektif, Kata Kerja dan Kata Nama **Bilangan topik, *K*** = 30
Wang et al. (2014)	*Identifying technological topics and institution-topic distribution probability for patent competitive intelligence analysis: a case study in LTE technology*	Kajian ini mengaplikasikan model LDA yang dipanjangkan dengan menentukan peraturan pengekstrakan frasa nama dan kata-kata teknologi yang telah diekstrak dari tajuk dan abstrak paten untuk mengkaji titik panas dan petunjuk penyelidikan dalam subkelas teknologi yang dipatenkan dalam bidang tertentu. Kajian empirikal ini mendedahkan titik panas teknologi LTE yang muncul dan mendapati bahawa syarikat-syarikat besar dalam bidang ini telah memfokuskan diri pada bidang teknologi yang berlainan dengan kedudukan kompetitif yang berbeza. **Bahagian tag ucapan:** Kata Nama **Bilangan topik, *K*** = Pengoptimuman (bilangan topik ditentukan berdasarkan hubungan antara semua topik)
Martin & Johnson (2015)	*More Efficient Topic Modelling Through a Kata Nama Only Approach*	Model yang dihasilkan dari corpus berita yang disekat, dikurangkan menjadi kata nama sahaja. Mereka mendapati bahawa membuang semua perkataan kecuali kata nama meningkatkan koheren semantik topik. Koherensi topik yang diperhatikan rata-rata meningkat sebanyak 6% dan rata-rata pengesanan pencerobohan perkataan meningkat 8% untuk kata nama satu-satunya korpus, berbdaning dengan pemodelan korpus mentah. Tambahan pula,model masa latihan menjadi lebih pantas apabila mengurangkan artikel menjadi kata nama sahaja. **Bahagian tag ucapan:** Kata Nama **Bilangan topik, *K*** = 20, 50, 100, 200* dan 500
Bhowmik et al. (2015)	*Leveraging topic modeling and part-of-speech tagging to support combinational creativity in requirements engineering*	Penulisan ini mengkaji kreativiti daripada perspektif gabungan dengan meletakkan hubungan yang tidak dikenali antara keperluan kemungkinan tidak asing di mana mereka mencadangkan kerangka baru yang mengekstrak idea-idea yang tidak asing daripada keperluan dan komen pihak berkepentingan dengan menggunakan pemodelan topik dan secara automatiknya menghasilkan keperluan dengan

bersambung...

...sambungan

		mendapatkan kombinasi idea yang tidak dikenali dengan cara membalikkan bahagian pertuturan topik yang dikenal pasti. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kreativiti keperluan yang dihasilkan oleh kerangka mereka dinilai oleh pakar manusia setdaning dengan keperluan yang dibuat secara manual. Tambahan pula, kos kerangka kerja mereka jauh lebih rendah daripada kerja manual, diukur dengan masa yang dihabiskan untuk menghasilkan keperluan. **Bahagian tag ucapan:** Kata Nama Am dan Kata Kerja
